# أصول الدين

## للسنة الثالثة

# (السيرة والتاريخ الإسلامي)

فهرس


١. عهد الخلفاء الراشدين 1

٢. الخلافات في عهد الخلفاء الراشدين 9

٣. نشأة الدولة الأموية__ 14

٤. الحضارة في عهد الدولة الأموية 20

٥. الأعلام المشهورون في الدولة الإسلامية 24

Pelajaran 1

## ZAMAN KHULAFA’ AR RASYIDIN

**Definisi zaman khulafa’ ar Rasyidin**

Khulafa’ ar Rasyidin ialah empat khalifah terawal yang dilantik untuk memerintah umat Muslim selepas kewafatan Rasulullah nabi Muhammad saw. Mereka ialah Abu Bakar al-Siddiq, Umar bin al-Khattab, Uthman bin Affan dan Ali bin Abu Talib r.a. pemerintahan ini berterusan selama 30 tahun (11 H - 41 H)

**Biodata khalifah di zaman khulafa’ ar Rasyidin**

1. **Abu Bakr**

**Biodata beliau:**

**Nama**: Abdullah bin Abu Qahafa Othman bin Amer bin Amru bin Ka’ab

**Gelaran** : al Atiq, kerana bebasnya beliau dari api neraka, dan as Siddiq kerana beliau membenarkan Rasulullah saw dalam kisah malam Isra’ dan sentiasa bersifat benar.

**Tarikh Lahir**: Dilahirkan di Mekah selepas tahun gajah iaitu dua tahun dan beberapa bulan (selepas peristiwa serangan tentera bergajah ke atas kota Mekah)

**Antara sifat beliau**: Terkenal dengan menjaga maruah dan sifat-sifat terpuji, seorang zuhud, rendah diri, murah hati, suka membantu dan memberi serta lemah lembut

**Tugas beliau**: Orang pertama yang memeluk Islam di kalangan orang lelaki. Ramai orang Arab memeluk Islam disebabkan dakwahny, seperti Uthman bin Affan, Zubair bin al-'Uwam dan 'Abdul Rahman bin Auf

.

الدرس الأول

## عهد الخلفاء الراشدين

**تعريف عهد الخلفاء الراشدين**

الخلفاء الراشدون هم الخلفاء الأربعة الأوائل الذين تعاقبوا على إمرة المسلمين بعد وفاة رسول الله محمد صلى الله عليه وسلم. وهم أبو بكر الصديق، وعمر بن الخطاب، وعثمان بن عفان، وعلي بن أبي طالب رضي الله عنه. واستمرت الخلافة لمدة ٣٠ عاما (١١هـ-٤١هـ)

**تراجم عن عهد الخلفاء الراشدين**

**١-أبو بكر الصديق**

- **التعريف به**

**الاسم** : عبد الله بن أبي قحافة عثمان بن عامر بن عمرو بن كعب

**اللقب** : العتيق، لعتقه من النار. والصديق لأنه بادر الى تصديق رسول الله ﷺ في قصة ليلة الإسراء ولازم الصدق

**تاريخ الميلاد** : وُلد في مكة بعد عام الفيل بعامين وأشهر

**من صفاته** : اُشتُهِرَ بالعفة والخصال الحميدة، وزاهدا متواضعا سخيا كثير البذل والعطاء رقيقا.

**الوظيفة** : هو أول من أسلم من الرجال. وأسلم بدعوته كثير من العرب مثل عثمان بن عفان والزبير بن العوام وعبد الرحمن بن عوف

**Perlantikan sebagai khalifah**

Golongan Ansar mengadakan pertemuan di bangunan bani Saidah di Madinah pada hari kewafatan Nabi SAW, untuk membai'ah pemimpin Khazraj iaitu Sa'ad bin Abada sebagai khalifah. Golongan Muhajirin antaranya Abu Bakar segera menyertai perbincangan dan perundingan tersebut. Kedua-dua pihak berbeza pendapat dalam perkara tersebut dan dialog antara mereka semakin hangat.

Apabila Abu Bakar ra melihat perbincangan tersebut semakin hebat, lalu beliau memberitahu mereka bahawa Imam (pemimpin) hanya pada kaum Quraisy kerana sabda Nabi saw: Imam (pemimpin ) itu dari kalangan kaum Quraisy. Maka perkara tersebut diserahkan kepada orang Islam untuk memilih antara Umar bin al-Khattab atau Abu Ubaidah bin al-Jarrah r.a. Tetapi kedua-dua - Umar dan Abu Ubaidah – bangun untuk membai'ah Abu Bakar kerana beliau adalah sebaik-baik golongan Muhajirin. Lalu golongan Ansor dan Muhajirin membai'ah Abu Bakar dan mereka bersatu di bawah kepimpinannya. Orang Islam berkumpul pada hari berikutnya untuk membai'ah Abu Bakar secara umum. Beliau digelar sebagai pengganti kepada Rasulullah saw.

**Zaman khalifah Abu Bakar**

Abu Bakar al-Siddiq menjadi khalifah dalam tempoh 2 tahun 3 bulan, bermula dari 12 Rabiul Awwal 11 H hingga 22 Jamadil Akhir 13 H.

**Pembaharuan** (di Zaman khalifah Abu Bakar)

1. Pentadbiran negara Islam mula melantik gabenor, hakim dan menyediakan angkatan tentera.
2. Menghapuskan golongan murtad, gerakan mendakwa menjadi nabi dan golongan yang enggan membayar zakat.
3. Mengumpulkan al Quran dalam satu mashaf.
4. Penaklukan Islam (perluasan negara Islam), antara yang paling besar ialah pembukaan negara Syam dan membuka sebahagian besar negara Iraq .

- **تولية الخلافة**

عقد الأنصار اجتماعيا في سقيفة بني ساعدة بالمدينة في اليوم الذي توفي النبي صلى الله عليه وسلم ليبابعوا زعيم الخزرج، سعد بن عبادة للخلافة. فبادر المهاجرون منهم أبو بكر اليهم ليشاركوا معهم في المشاورة والنظر. فاختلف الفريقان في الأمر واشتد الحوار بينهم.

فلما رأى أبو بكر رضي الله عنه احتداد المناقشات، أعملهم أن الإمامة لا تكون إلا في قريش لقول النبي صلى الله عليه وسلم : الأئمة من قريش. فترك الأمر للمسلمين للختيار بين عمر ب الخطاب أو أبي عبيدة بن الجراح رضي الله عنه. ولكن قام الاثنين–عمر وأبو عبيدة– ليبايعانه لأنه أفضل المهاجرين. فبايع الأنصار والمهاجرون أبا بكر، واجتمعوا على إمامته. واجتمع المسلمون في اليوم التالي للبيعة العامة له. وكان يلقبّ بخليفة رسول الله صلى الله عليه وسلم.

- **عهد الخلافة**

تولّى أبو بكر الصديق الخلافة في مدة سنتين وثلاثة أشهر، من ١٢ ربيع الأول سنة ١١ ه حتى ٢٢ جُمَادَى الآخِرَة سنة ١٣ه.

- **الإصلاحات**

١. بدأ بإدارة شؤون الدولة الإسلامية من تعيين الولاة والقضاة وتسيير الجيوش
٢. القضاء على المرتدين وحركة التنبؤ ومانعي الزكاة
٣. جمع القرآن في مصحف واحد
٤. الفتوحات الإسلامية، وكان أهمها فتح بلاد الشام وفتح معظم العراق.

**2. Umar bin al-Khattab**

**Biodata beliau**

**Nama**: Umar bin al-Khattab bin Nufail Abdul Uzza bin Riyah bin Abdullah bin Qurt

**Gelaran** : al Farouk, kerana beiau adalah perbezaan antara hak (benar) dan batil (salah).

**Tarikh lahir**: Dilahirkan pada 40 tahun sebelum hijrah.

**Antara sifat beliau**: Salah seorang pahlawan Quraisy di zaman jahiliyah, peribadi yang hebat, begitu kuat mempertahankan penyembahan berhala, dan mendapat kedudukan tinggi di kalangan kau Quraisy di zaman Jahiliyah

**Tugas beliau**: Nabi saw sangat menginginkan Umar r.a memeluk Islam. Baginda berdoa : Ya Allah muliakan Islam dengan salah seorang daripada dua lelaki ini, - kepadaMu aku memohon - iaitu Abu Jahal atau Umar bin al-Khattab. Ibn 'Umar berkata : Antara keduanya baginda lebih menyukai Umar. (hadis riwayat Tirmizi)

**Perlantikan sebagai khalifah**

cara perlantikan Umar sebagai khalifah adalah dengan cara Abu Bakar r.a sendiri melantiknya. Abu Bakar ra jatuh sakit iaitu 15 hari sebelum beliau meninggal dunia. Apabila beliau merasakan ajalnya telah tiba, semasa sakit tersebut beliau menulis perjanjian tentang urusan khalifah selepas beliau diserahkan kepada Umar bin al-Khattab r.a. Surat perjanjian itu ditulis oleh Uthman bin Affan r.a dan dibaca kepada umat Islam. Mereka menerima perkara tersebut dan patuh serta taat kepadanya. Abu Bakar as Siddiq r.a membuat perjanjian bahawa jawatan khalifah ini diserahkan kepada Umar setelah beliau berunding (meminta pandangan) dengan sekumpulan sahabat yang terkemuka, sedangkan Umar r.a terkenal dengan teguhnya beliau dalam agama islam, amanahnya serta begitu keras terhadap orang munafik di samping sifat-sifat terpuji yang lain lagi. Tetapi Abu Bakar as Siddiq r.a berbuat demikian sebagai menambahkan lagi dalam memberi petunjuk/panduan (nasihat) kepada umat nabi Muhammad saw.

**٢-عمر بن الخطاب**

- **التعريف به**

**الإسم** : عمر بن الخطاب بن نُفَيل عبد العُزَّى بن رِيَاح بن عبد الله بن قُرطٍ

**اللقب** : الفاروق،لأنه فرق بين الحق والباطل.

**تاريخ الميلاد** : وُلد في عام ٤٠ قبل الهجرة

**من صفاته** : أحد أبطل قريش في الجاهلية، مُهَابُ الشخصية، يدافع عن عبادة الأصنام بقوة، واحتلى منزلة رفيعة بين القرشيين في الجاهلية

**الوظيفة** : كان النبي صلى الله عليه وسلم يطمع في إسلام عمر رضي الله عنه، فيدعو اَللَّهُمَّ أَعِزَّ الإِسلاَمَ بِأَحَبِّ هَذَينِ الرَّجُلَينِ إِلَيكَ،بِأَبِي جَهلٍ أو بِعُمَرَ بن الخَطّابِ. قَالَ ابنُ عُمَرَ وَكَانَ اَحَبَّهُمَا إِلَيهِ عُمَرُ. (رواه الترمذي)

- **تولية الخلافة**

إن طريقة تولية عمر الخلافة كانت باستخلافة أبي بكر رضي الله عنه إياه. وذلك أن أبا بكر رضي الله عنه مرض قبل وفاته خمسة عشر يوما. ولما أحس بِدُنُوِّ أجله، عهد في أثناء هذا المرض بالأمر من بعده الى عمر بن الخطاب رضي الله عنه. وكان الذي كتب العهد عثمان بن عفان رضي الله عنه، وقرئ على المسلمين، فأقروا به واسمعوا له وأطاعوا. وكان الصديق رضي الله عنه يعهدوا بالخلافة لعمر بعد أن استشار نفرا من فضلاء الصحابة فيه. مع أن عمر رضي الله عنه هو المعروف بصلابته في الدين، وأمانته وشدته على المنافقين الى غير ذلك من الصفات الحميدة. ولكن الصديق رضي الله عنه فعل هذا مبالغة في النصح للأمة المحمَّدية.

**Zaman khalifah Umar**

Umar r.a menjadi khalifah dalam tempoh 10 tahun 6 bulan, bermula dari 13 Jamadil Akhir 13 H hingga 26 Zulhijjah 23 H.

**Pembaharuan** (di Zaman khalifah Umar)

1. Membuka seluruh negara Syam, seluruh negara Iraq dan Parsi, Mesir, al Quds dan pembukaan negara-negara islam yang lain.
2. Menubuhkan jabatan-jabatan seperti jabatan kebajikan (sumbangan) dan jabatan tentera
3. menyusun perkhidmatan surat-menyurat untuk memudahkan proses komunikasi antara Madinah dan pegawai-pegawai serta ketua/panglima tentera di Iraq, Parsi, Syria dan Mesir.
4. Penubuhan tempat tahanan khas untuk orang yang didakwa/pesalah dan tempat tahanan ini dikenali sebagai "penjara"
5. Menwujudkan kalendar Hijrah yang bermula tariknya daripada hijrah (perpindahan) Nabi saw dari Mekah ke Madinah, ianya bermula dengan bulan Muharram.

**عهد الخلافة**

تولّى عمر رضي الله عنه الخلافة في مدة عشر سنوات وستة أشهر، من ٢٣ جمادى الآخرة سنة ١٣ه حتى ٢٦ ذو الحجة سنة ٢٣ ه

**الإصلاحات**

١. فتح الشام كلها، وكامل العراق وفارس، ومصر،والقدس، والفتوحات الأخرى
٢. إنشاء الدواوين كديوان العطاء وديوان الجند
٣. ترتيب البريد ليسهل عملية الاتصال بين المدينة المنورة والعمّال وقادة الجيش في العراق وفارس والشام ومصر.
٤. إنشاء حبس خاصٍّ بالمتهمين، وعُرف هذا الحبس باسم "السجن"
٥. إيجاد التقويم الهجري المؤرَّخ من هجرة الرسول صلى الله عليه وسلم من مكة الى المدينة، ابتداءً من شهر المحرَّم

### 3. Uthman bin Affan

**• Biodata beliau**
**Nama**: Uthman bin Affan bin Abu Al As bin Umayyah bin Abd Shams bin Abd Manaf

**Gelaran** : Zu al-Nurain, kerana beliau mengahwini Roqiah dan Umm Kalthum iaitu dua puteri Nabi saw

**Tarikh Lahir**: Dilahirkan di Taif selepas tahun gajah enam tahun (tahun 576 M)

**Antara sifat beliau**: berketurunan Quraisy dan orang yang paling tahu tentang baik dan buruk yang ada pada kaum Quraisy. Beliau sangat pemalu dan merupakan peniaga/pedagang yang hebat

**Tugas beliau**: Beliau memeluk Islam hasil dakwah Abu Bakar kepadanya. Usianya telanh melebihi 30 tahun, salah seorang penulis wahyu dan memainkan peranan yang penting dalam bai'ah Radwan. Beliau membeli sebuah telaga untuk (kegunaan) umat Islam

**Perlantikan sebagai khalifah**

Uthman mengambil alih jawatan khalifah dengan cara pemilihan, dan ia berdasarkan kepada majlis Syura yang terdiri daripada enam orang sahabat Nabi saw.yang ditentukan oleh Umar. Mereka ialah Ali bin Abu Talib, Uthman bin Affan, Abdul Rahman bin Auf, Saad bin Abu Waqas, Zubair bin Awam dan Thalhah bin Ubaidillah r.a. Beliau mengarahkan Miqdad bin al-Aswad dan Abu Talhah al-Ansari untuk mengawasi perjalanan pemilihan tersebut. Umar menghadkan tempoh pemilihan ini selama tiga hari dan temoh tersebut sudah mencukupi.

Setelah selesai pengebumian Umar, majlis Syura mencalonkan tiga orang untuk dilantik menjadi khalifah iaitu Ali, Uthman, dan Abdul Rahman bin Auf ra. Tetapi Abdulrahman bin Auf melepaskan haknya dan menyerahkan perkara tersebut kepada lima anggota yang lain. Kemudian selepas itu beliau pergi menemui penduduk Madinah dan orang yang datang ke Madinah. Kebanyakan orang Islam menginginkan Uthman bin Affan menjadi khalifah, dan sebahagian lain menyokong Ali bin Abi Talib ra (sebagai khalifah). Selepas solat Subuh pada hari bai'ah, Abdul Rahman telah membai'ah Uthman sebagai khalifah dan orang Islam turut membai'ahnya.

### ٣- عثمان بن عفان

**• التعريف به**

**الإسم** : عثمان بن عفان بن أبي العاص بن أمية بن عبد شمس بن عبد مناف

**اللقب** : ذو النورين،لأنه تزوج رقية، وأم كلثوم، ابنتي النبي صلى الله عليه وسلم

**تاريخ الميلاد** : وُلد في الطائف بعد عام الفيل بست سنين (سنة ٥٧٦م)

**من صفاته** : كان أنسب قريش لقريش، وأعلم قريش بما كان فيها من خير وشر. وكان شديد الحياء، ومن كبار التجّار

**الوظيفة** : أسلم بدعوة أبي بكر رضي الله عنه له، وكان سنة قد تجاوز الثلاثين. وكان أحد كتاب الوحي،ولعب دورا مهما في بيعة الرضوان،واشترى بئر الرومة للمسلمين

**تولية الخلافة**

تولى عثمان أمر الخلافة بطريقة الانتخاب، وتعتمد على جعل الشورى في ستة رجال حدده عمر من أصحاب الرسول صلى الله عليه وسلم. وهم علي بن أبي طالب، وعثمان بن عفان، وعبد الرحمن بن عوف، وسعد بن أبي وقّاص، والزبير بن العوّام، وطلحة بن عبيد الله رضي الله عنه. وأمر المقداد بن الأسود وأبا طلحة الأنصاري أن يرقبا سير الانتخابات. حدّد عمر الانتخابات بثلاثة أيام، وهي فترة كافية

فلما فرغ من دفن عمر، رشّح اهل الشورى ثلاثة رجال منهم للخلافة،وهم علي، وعثمان، وعبدالرحمن بن عوف رضي الله عنه. ولكن تنازل عبد الرحمن بن عوف عن حقه، وجعل الأمر بين الخمسة الباقين. ثم ذهب بعد ذلك الى كل من يلقاه في المدينة، ومن يأتي للمدينة. ومعظم المسلمين كانوا يشيرون بعثمان بن عفان، ومنهم من كان يشير بعلي بن أبي طالب رضي الله عنه، وبعد صلاة صبح يوم البيعة، بايع عبد الرحمن عثمان،وبايعه المسلمون.

• **Zaman khalifah Uthman**

Uthman r.a menjadi khalifah dalam tempoh 12 tahun, bermula dari dari 3 Muharram 23 H hingga 24 Zulhijjah 35 H

• **Pembaharuan** (di Zaman khalifah Uthman r.a)

1. Mengumpulkan Al-Quran berdasar dialek Quraisy dan ia merupakan bahasa Arab dan kaum-kaum mereka di semuat tempat
2. Meluaskan kawasan Masjidil Haram dan Masjid Nabi
3. Mewujudkan badan kehakiman dalam Islam
4. Meluaskan negara Islam menerusi penaklukan beberapa negara seperti Armenia, Sijistan dan Cyprus.
5. Penubuhan armada (tentera laut) Islam pertama untuk melindungi persisiran pantai negara Islam dari serangan Byzantine

**عهد الخلافة**

تولّى عثمان رضي الله عنه الخلافة في مدة اثنتي عشر سنة، من ٣ محرم سنة ٢٣ه حتى ٢٤ ذو الحجة سنة ٣٥ ه

• **الإصلاحات**

١. جمع القرآن على لهجة قريش وهي لهجة العرب وفرقها في الأمصار
٢. توسعة للمسجد الحرام والمسجد النبوي
٣. إتخاذ دار للقضاء في الإسلام
٤. توسعة الدولة الإسلامية من خلال الفتوحات لعدد من البلدان كأَرمِينيَا، وسِيستَان، وقُبرُص
٥. إنشاء أول ل أسطول إسلامي لحماية الشواطئ الإسلامية من هجمات البيزنطنيين

4- Ali bin Abi Talib

• **Biodata beliau**

**Nama**: Ali bin Abi Talib bin Abdul Muttalib bin Hashim bin Abdul Manaf bin Qusai bin Kilab

**Tarikh Lahir**: Beliau dilahirkan di dalam Kaabah sepuluh tahun sebelum nabi Muhammad dbangkitkan menjadi rasul.

**Tugas beliau**: orang pertama memeluk Islam di kalangan kanak-kanak. Menyertai semua peperangan Rasulullah saw kecuali peperangan Tabuk, di mana Nabi saw melantik beliau sebagai penganti baginda di Madinah. Beliau adalah salah seorang penulis wahyu, dan salah seorang duta penting Nabi saw dan menteri-menterinya.

• **Perlantikan sebagai khalifah**

Apabila Uthman dibunuh, umat Islam melihat bahawa Ali bin Abi Talib adalah satu-satunya yang sesuai untuk menjadi khalifah. Sebahagian besar mereka pergi menemui beliau dan memintanya mengambil alih jawatan khalifah. Ali enggan menerima permintaan untuk mengambil alih jawatan tersebut kecuali dengan bai'ah daripada Zubair dan Talhah. Lalu sekumpulan mereka pergi menemui kedua-duanya dan membawa keduanya kepada Ali seterusnya kedua-duanya membaiahkan Ali. Maka orang ramai membai'ahkan Ali. Tidak hadir dalam majlis bai'ah tersebut sekumpulan sahabat terkemuka di Madinah Saad bin Abu Waqas, Said bin Zaid, Abdullah bin Umar, Usamah bin Zaid, Mughirah bin Syu'bah, dan Abu Sa'id al Khudri dan lain-lain sahabat yang besar ketika itu.

• **Zaman khalifah Ali**

Ali r.a menjadi khalifah dalam tempoh 4 tahun 9 bulan, bermula dari 25 Zulhijjah 35H hingga 18 Ramadan 40 H

## ٤ – علي بن أبي طالب

• **التعريف به**

**الاسم** : علي بن أبي طالب بن عبد المطَّلِب بن هاشم بن عبد مناف بن قُصَيّ بن كلاب

**تاريخ الميلاد** : وُلد قبل البعثة بعشر سنين في جوف الكعبة.

**الوظيفة** : أول من أسلم من الصِّبيان. شارك في كل غزوات الرسول ﷺ عدا غزوة تبوك حيث خلّفه فيها النبي ﷺ على المدينة. وكان أحد كُتَّاب الوحي، وأحد أهمّ سفراء النبي ﷺ ووزرائه.

• **تولية الخلافة**

لما قتل عثمان، يرى المسلمون أن عليًّا بن أبي طالب هو وحده يصلح للخلافة. فذهب معظمهم إليه يطلبون منه أن يلي الخلافة. وقد امتنع علي من إجابتهم الى قبول الإمارة إلا بمبايعة الزبير وطلحة. فذهب إليهما جماعة، وأتوا بهما، فبايعاه.ثم قام الناس، فبايعوه.وتخلف عن بيعته جمع من أكابر الصحابة في المدينة كسعد بن أبي وقَّاص، وسعيد بن زيد، وعبد الله بن عمر،واسامة بن زيد،والمغيرة بن شعبة، وأبي سعيد الخدري، وغيرهم من أكابر الصحابة في الأمصار رضي الله عنه.

• **عهد الخلافة**

تولّى علي الخلافة في مدة أربعة سنوات وتسعة أشهر، من ٢٥ ذي الحجة سنة ٣٥ه حتى ١٨ رمضان سنة ٤٠ ه

• **Pembaharuan** (di Zaman khalifah Ali r.a)

1. Mengasaskan pembangunan tamadun (peradaban), terutamanya di ibu kota Khalifah yang baru iaitu Kufah
2. Menghadapi kumpulan Khawarij yang menentangnya dan mengalahkan mereka di Nahrawan.
3. Penubuhan pusat khusus untuk perkhidmatan awam seperti dar mazolim (jabatan kebajikan) dan Murad Al-Duwal dan pembinaan penjara
4. Menyusun pasukan polis dan memperluaskan tugas polis seperti pasukan tentera elit (polis khas) untuk melindungi individu-individu penting di negara Islam

**Faktor-faktor lahirnya tamadun/peradaban Islam di zaman pemerintahan Khulafa' ar Rasyidin**

1. Berpegang dengan Al-Quran dan memerintah negara mengikut al Quran. Ia adalah pencetus utama kepada tamadun/peradaban yang menganjurkan kepada pembaharuan dan perkembangan cara bekerja.
2. Prinsip akhlak adalah asas utama dalam setiap sistem pemerintahan negara.
3. Menfokuskan kepada asas akidah dan amalan, maka lahirlah sistem berdasarkan kebenaran dan keadilan.
4. Kecenderungan dan matlamatnya berasaskan kemanusiaan, dasar dan risalahnya merangkumi seluruh alam.
5. Menjadi inspirasi dalam bidang ilmu dan menggalakkan perkembangannya.

** Renungan:

Khulafa' ar Rasyidin adalah sahabat saw yang mengutip bimbingan baginda dan mengikuti pendekatan baginda dalam urusan politik dan perjanjian mereka. Apabila berlaku perbezaan pendapat, mereka akan segera berhukum dengan Al-Quran dan Sunnah Rasulullah saw sebelum melakukan ijtihad dalam perkara-perkara yang tidak ada pada kedua-duanya. Dasar ini dan kebijaksanaan mereka dalam menguruskan negara dan penyertaan para sahabat yang lain dalam menyampaikan pandangan mereka yang betul, inilah yang menjadikan negara Islam memperolehi kejayaan yang cemerlang sepanjang zaman pemerintahan mereka.

• **الإصلاحات**

١. تأسيس التقدم الحضاري خاصة في عاصمة الخلافة الجديدة الكوفة
٢. مواجهة فرقة الخوارج الذين خرجوا عليه، فهزمهم في النهروان.
٣. إنشاء مراكز متخصصة للخدمة العامة كدار المظالم ومربد الضوال وبناء السجون
٤. تنظيم الشرطة، وتوسعة مهام صاحب الشرطة كحاكم عسكري لحماية كبار الشخصيات في الدولة الإسلامية

**عوامل الحضارة في عهد الخلفاء الراشدين**

١. التمسك بالقرآن الكريم والحكم به، فهو المنبغ الأساسي للخضارة الذي يدعو الى التجديد وتطوير الأساليب العمل.
٢. كانت المبادئ الأخلاقية أساسيا في كل نظمها.
٣. الارتكاز على مبادئ العقيدة والعمل، فنشأ نظاما قائما على الحق والعدالة.
٤. إنسانية النزعة والهدف،عالمية الأفق والرسالة
٥. الابتداع في مجالات العلم والحث على تطورها.

** التذكرة

الخلفاء الراشدين هم أصحاب الرسول صلى الله عليه وسلم الذين اقتبسوا هديه وسلكوا منهجه في سياستهم وعهدهم. فإذا وقع الخلاف، بادروا الى الحكم بالقرآن الكريم وسنة الرسول صلى الله عليه وسلم قبل الاجتهاد في أمور لم تكن فيهما. هذا الأساس وحكمتهم في تدبير الدولة ومشاركة الأصحاب الآخرين في إلقاء آرائهم الصالحة، مما يجعل دولة الإسلام أدركت نجاحات بارعة من خلال عصورهم.

Pelajaran 2

**Pertelingkahan pada zaman pemerintahan khulafa`ar Rasyidin**

**Tercetusnya Pertelingkahan di zaman pemerintahan khulafa` ar Rasyidin**

Pertelingkahan pertama yang berlaku selepas kewafatan Rasulullah saw ialah murtadnya orang arab dan tidak tinggal seorang pun di kalangan mereka yang berpegang dengan agamanya kecuali kaum Quraisy di Mekah dan kaum Thaqif di Toif, sebahagain kecil dari kaum yang lain. Orang ramai ketika itu terbahagi kepada dua golongan:

**Golongan yang meninggalkan agama secara keseluruhannya**:
Mereka ialah bani Tai` dan Asad serta orang yang mengikuti mereka daripada kaum Ghotofan yang mengikut Thulaihah bin Khuwailid al-Asadi, Bani Hanifah yang mengikut Musailamah, dan penduduk Yaman yang mengikuti Aswad al Ansi dan ramai lagi di kalangan mereka .

**Golongan yang enggang membayar zakat**, mereka menganggap perkara tersebut telah berakhir dengan kewafatan nabi saw. Mereka ini adalah sebahagian dari bani Tamim yang diketuai oleh Malik Bin Nuwairah, bani Hawazin dan lain-lain

Abu Bakr menyediakan tentera untuk memerangi golongan yang enggan membayar zakat dan golongan yang murtad. Peperangan memerangi golongan murtad berakhir dengan kemenangan yang besar bagi umat Islam

Kemudian selepas itu berlaku fitnah pembunuhan Uthman, dan ia merupakan fitnah yang paling besar pada zaman pemerintahan khulafa al Rasyidin, kerana ia meninggalkan kesan pertelingkahan dan perpecahan dalam barisan umat Islam. Individu yang mengetuai fitnah ini ialah seorang lelaki yahudi, Abdullah bin Saba`. Dia menyebarkan dakyah menyokong Ali bin Abu Talib dengan mendakwa ianya adalah wasiat dari Rasulullah saw dan Uthman telah mengambil jawatan khalifah dengan cara yang tidak betul. kebanyakan yang mengikuti mazhab Abdullah adalah dari golongan yang mengikut hawa nafsu. Mereka mula mencerca pemimpin-pemimpin dan khalifah dengan cercaan palsu dan dusta. Fitnah ini berakhir dengan syahidnya Uthman.

الدرس الثاني

**الخلافات في عهد الخلفاء الراشدين**

**نشوء الخلافات في عهد الخلفاء الراشدين**

كان أول الخلافات عقب وفاة الرسول صلى الله عليه وسلم هو ارتداد العرب، ولم يبق أحد متمسكا بدينه منهم إلا قريش بمكة، وثقيفا بالطائف، وقليلا من غيرهم. وكان الناس في ذلك على قسمين :

**التارك لدينه بالمرة**، وهم: بنو طيء وأسد ومن تبعهم من غطفان الذين اتبعوا طليحة بن خويلد الأسدي، وبنو حنيفة الذين اتبعوا مسيلمة، وأهل اليمن الذين اتبعوا الأسواد العنسي، وكثير منهم.

**المعطل للزكاة** زاعمين أن ذلك قد انتهى بوفاة النبي صلى الله عليه وسلم، وهم بعض بني تميم الذين يرأسهم مالك بن نُوَيرَة وبنو هَوَازِنَ وغيرهم.

فيسّر ابو بكر الجيوش لقتال مانعي الزكاة والمرتدين. وانتهت حروب أهل الرّدّة بالنصر العظيم للمسلمين.

ثم حدثت بعد ذلك فتنة مقتل عثمان، وهي من أعظم الفتن في عهد الخلفاء الراشدين: لمّا تركته من الخلاف والانقسام في صفوف الأمة. ويَرأَسُ هذه الفتنة الرَّجال اليهودي، عبد الله بن سبأ. فقام بالدعوة لعلي بن أبي طالب زاعما أنه وصيُّ رسول الله صلى الله عليه وسلم، وأخذ عثمان الخلافة بغير الحقِّ. فتبع مذهبه كثير من أهل الأهواء، وبدأ يُطعِنون في الأمراء والخليفة بمطاعن زورٍ وبهتانٍ. وانتهت هذه الفتنة بموت عثمان شهيدًا.

Kemudian berlaku fitnah lain yang mempunyai kaitan dengan peristiwa sebelum itu semasa pemerintahan Ali r.a, antaranya peperangan Jamal dan Siffin.

Perlu diingatkan di sini, peperangan yang berlaku di antara para sahabat r.a bukannya berdasar hawa nafsu tetap setiap kumpulan itu mahu menegakkan kebenaran dan setiap dari dua kumpulan tersebut diberi ganjaran (pahala), kerana sekiranya ia adalah mujtahid yang betul, maka ia mendapat 2 pahala, jika ianya mujtahid yang salah akan mendapat pahala ijtihadnya.

**Peristiwa-peristiwa yang berlaku:**

**Peperangan Jamal:**

**Tarikh Berlakunya peperangan ini:**
berlaku pada tahun 36H (peperangan) di antara tentera Amirul Mukminin, Ali bin Abu Talib r.a dan tentera, yang dipimpin oleh Talhah bin Ubaidillah dan az Zubair bin al Awwam r.a, di tambah dengan kehadiran Ummul Mukminin Aisyah menaiki unta yang mempunyai *haudaj* (tempat duduk berbumbung yang terletak di belakang unta)

**Sebab dinamakan peperangan ini dengan peperangan Jamal:**
Ini bersempena unta yang membawa H*audaj* yang dinaiki oleh Aisyah

**Lokasi peperangan** : Basrah

**Bilangan Tentera:**
Bilangan tentera Ali bin Abu Tolib seramai 20,000 orang dan barisan tentera Talhah r.a seramai 30,000 orang tentera.

ثم حدثت فتن أخرى لها صلة بما قبلها في عهد علي بن أبي طالب رضي الله عنه، منها وقعة الجمل وصِفِّينَ.

ويجب التَّنبيه هنا، أن الحروب التي وقعت بين الصحابة رضي الله عنه لم تكن صادرة عن هوى. وإنما كان كل فريق طالبا للحق. وكلا من الفريقين مأجور: لأنه إما مجتهد مصيب ، فله أجران. وإما مجتهد مخطئ، فله أجر اجتهاده.

الأحداث

**١) موقعة الجمل**

**تاريخ الواقعة** :
وقعت عام ٣٦هـ بين قوات أمير المؤمنين علي بن أبي طالب رضي الله عنه والجيش الذي يقوده طلحة بن عبيد الله والزُّبير بن العوَّام رضي الله عنه، بالإضافة الى أمِّ المؤمنين عائشة التي ذهبت في هَودَجٍ من حديد على ظهر جملٍ.

**سبب تسميتها بالجمل** :
نسبة الى ذلك الجمل الذي حمل هَودَجًا فيه عائشة.

**الموضع** : البصرة

**عدد الجيش** :
وكان تعداد جيش علي عشرون ألفا، واصطف جيش طلحة رضي الله عنه في نحوا من ثلاثين ألفا.

**Sebab tercetusnya peperangan:**

Tuntutan supaya dibunuh penjenayah yang membunuh khalifah Usman dan melaksanakan hukuman hudud/qisas terhadap mereka.

**Peristiwa yang berlaku:**

Talhah dan Zubair telah pergi ke Basrah dan diikuti orang ramai serta Aishah r.a untuk menggabungkan kaum muslimin dan menyatukan suara mereka, seterusnya menuntut pembelaan atas pembunuhan khalifah Uthman dan membunuh mereka yang membunuhnya. Setelah Ali r.a sampai ke Basrah daripada Madinah, beliau menghantar al Qo'qo' bin Umar menemui tentera Jamal (tentera berunta). Kedua pasukan tentera berusaha untuk berdamai dan menghalang daripada berlaku peperangan.

Ketua-ketua as Sabaiyyah dan mereka yang mencetuskan fitnah, mereka merasakan perdamaian ini akan berakhir dengan pelaksanaan hukuman qisas terhadap mereka, maka mereka takut perkara buruk akan menimpa diri mereka lalu mereka berusaha untuk mencetuskan peperangan di antara dua pasukan tentera ini dan menjerumuskan kedua-duanya dalam peperangan. Pada hari berikutnya, mereka melaksanakan perancangan sebelum terbit fajar dan bilangan mereka hampir 2000 orang. Maka bertempurlah dua pasukan tentera itu dan memuncaklah peperangan di hadapan unta yang dinaiki Aisyah r.a, sehingga luka/disembelih unta tersebut, terbunuh Talhah dan Zubair dan Aishah r.a di usung pergi bersama *haudaj*nya ke rumah Abdullah bin Khalaf. Kemudian Ali r.a membawanya ke Mekah diiringi sekumpulan wanita

**Peperangan Siffin**

**Punca tercetusnya peperangan:**

Setelah berakhirnya peperangan Jamal, Ali r.a menghantar Jarir bin Abdullah al Jaliy r.a menemui Muawiyah r.a di Damsyik dan rakyat Syam untuk menyeru mereka membai`ah beliau. Namun Muawiyah enggan mematuhi arahan tersebut sehinggalah dihukum bunuh pembunuh khalifah Uthman terlebih dahulu sebelum membai'ahkan Ali r.a (sebagai khalifah).

**Tempat peperangan:**

Siffin berhampiran Sungai Furat

**السبب** : المطالبة بقتل قتلة عثمان وإقامة الحد عليهم.

**الأحداث** :

ذهب طلحة والزبير وتبعهما خلق كثير ، وعائشة الى البصرة لضم نشر المسلمين وتأليف كلمتهم، ثم الطالب بدم عثمان، وقتل قتلته. وبعد أن وصل عليٌّ الى البصرة من المدينة، أرسل القَعقَاعَ بن عَمرٍ الى أصحاب الجمل، فسعى بين الفريقين بالصُّلح والكف عن القتال.

فاجتمع رؤوس السَّبَئِيَّةِ ومثيرو الفتنة، وشعروا أن هذا الصُّلح سيتنهي بتوقيع القصاص عليهم. فخافوا على أنفسهم، وقرروا أن يَنشَبُوا الحرب بين الجيشَينِ، ويوقعوا القتال بينهما. وفي اليوم التالي، نفذوا خطَّتهم قبل طلوع الفجر، وهم قريب من ألفي رجل. فالتحم الفريقان، واشتدَّ القتال أمام الجمل الذي عليه عائشة رضي الله عنه حتى عقر الجمل. وقُتِل طلحة والزبير، وحملت عائشة بهودجها الى دار عبد الله بن خلف. ثم سيرها علي الى مكة في صحبة من النساء.

**٢) موقعة الصفين**

**السبب** :

لَمَّا انتهت وقعة الجمل، أرسل عليٌّ جَرِيرَ بن عبد الله الَجَلِيَّ رضي الله عنه الى معاوية رضي الله عنه في دمشق وأهل الشام يدعوهم الى مبايعته. لكن امتنع معاوية رضي الله عنه حتى يُقتَل قَتَلَة عثمان رضي الله عنه قبل مبايعته لعلي رضي الله عنه.

**الموضع** :

صفين على نهر الفُراتِ

**Bilangan Tentera:**

Bilangan tentera Ali 100,000 orang, manakala Muawiyah mengumpulkan penduduk Syam seramai 70,000 atau 90,000 orang tentera.

**Peristiwa yang berlaku:**

Kedua-dua pasukan tentera berada di Siffin selama beberapa hari tanpa berlaku peperangan. Perang mula meletus pada Zulhijjah tahun 36 H, tetapi tidaklah sengit, hanyalah secara kumpulan kecil. setelah masuk bulan Muharam, kedua-dua pasukan tentera itu berhenti berperang. Kemudian pertempuran itu tercetus kembali dan berterusan sehingga bulan Safar. Seterusnya pertempuran sengit selama 3 hari yang mana terbunuhnya Amar bin Yasir dalam pertempuran tersebut.

**Majlis Tahkim (tribunal Timbang Tara)**

**Punca terjadinya Majlis Tahkim:**

Apabila bibit-bibit kekalahan mula kelihatan di pihak Muawiyah r.a dan tentera Syam dalam peperangan Siffin, lalu mereka mengangkat al Quran dan mencadangkan Majlis Tahkim.

**Sejarah Majlis Timbang Tara**:

Kertas (perjanjian) timbang tara itu ditulis pada 13 Safar 37 H. Kedua-dua hakim tersebut ialah Abu Musa al-Ash'ari dari pihak Ali, dan Amru bin al-As dari pihak Muawiyah r.a

**Perjanjian**:

- Kedua-dua pihak dijamin keselamatan diri dan keluarga mereka
- Umat Islam ini boleh menyokong kedua-dua pihak mengikut perkara yang diperjuangkan oleh kedua-duanya.
- Abdullah bin Qais dan Amru bin al As r.a perlu menghakimi di antara umat ini supaya tidak kembali ke kancah peperangan dan perpecahan sehingga selesai kedua-duanya memutuskannya, dan kedua-duanya menangguhkan penghakiman ini ke bulan Ramadhan di Daumtul Jandal di sebuah tempat yang dikenali sebagai Azruj.

**عدد الجيش** : وكان تعداد جيش عليٍّ مائة ألفٍ. بينما جمع معاوية من أهل الشام سبعين ألفاً أو تسعين ألفًا.

**الأحداث** : وبقي الطرفان بصفين أيَّاما دون قتال. وبدأ القتال في ذي الحجة سنة ٣٦ه، لكن لم يكن عَنيفا بل فئة الى فئة. ثم دخل شهر المحرَّم، فتوقف الفريقان عن القتال. ثم عادت المناوشات، واستمرت لشهر صفر. ثم اشتدَّ القتال ثلاثة أيام قُتِلَ فيها عَمَّارُ بنُ يَاسِرٍ.

**٣) مجلس التحكيم**

**السبب** :

لما بدأت لوائح الهزيمة تلوح على معاوية رضي الله عنه وأهل الشام في وقعة صفين،رفعوا المصاحف، واقترحوا التَّحكيم.

**تاريخ التَّحكيم** :

كُتبت صحيفة التحكيم في ١٣ صفر سنة ٣٧ه. فكان الحَكَمَان هما أبا موسى الأشعري من جهة علي، وعمرو بن العاص من جهة معاوية رضي الله عنه.

**العهود** :

– إن الفريقين آمنان على أنفسهما وأهليهما

– إن الأمَّة لهما أنصار على الذي يتقاضيان عليه

– وعلى عبد الله بن قيس وعمرو بن العاص رضي الله عنه أن يحكما بين هذه الأمَّة لا يردانها في حرب ولا فرقة حتى يقضيا، وأجَّلا القضاء الى رمضان بدُومَةِ الْجَنْدَلَ بمكان منها يسمى أَذْرُح.

**Kesan (daripada majlis tahkim)**

- Berlaku perpecahan dan Perselisihan di kalangan tentera Ali, satu kumpulan menerima majlis tahkim dengan sangkaan ianya dapat menyelesaikan perselisihan ini dan sekumpulan lagi tidak bersetuju dengan perkara tersebut.
- Perbezaan pendapat dua hakim yang dilantik. Abu Musa bersetuju mengugurkan Ali dan Muawiyah (daripada jawatan khalifah) dan memilih Abdullah bin Umar sebagai khalifah, manakala Amru bin al As r.a tidak bersetuju dengan perkara tersebut.
- Ali r.a memutuskan untuk memerangi Muawiyah r.a sekali lagi, tetapi masalah Khawarij (di kalangan penyokong Ali) menghalang beliau dari meneruskan perkara tersebut.

* Peringatan :

Perpaduan ummah adalah tuntutan syarak bahkan ia adalah kewajipan tetap sebagaimana firman Allah swt: “*berpeganglah dengan tali Allah, janganlah kamu bercerai berai*” - Surah Al-Imran 3: 103. Perpaduan membawa kepada tercapainya matlamat risalah nabi Muhammad saw. Antaranya menyampaikan Islam kepada semua manusia, menjadikannya mengatasi semua agama dan jihad untuk menjadi kalimat Allah swt itu paling tinggi. Matlamat-matlamat ini adalah mustahil untuk dicapai dalam keadaan umat Islam berpecah belah dan bertelingkah. Wahai sahabat sekalian, marilah kita memfokuskan perpaduan ini dengan mematuhi Syariah Islam yang mulia dalam diri kita, keluarga dan masyarakat kita.

**آثار**

- وقع الشقاق والاختلاف في جيش عليٍّ / فريق راضٍ بالتحكيم ظان أنه حاسم للخلاف، وفريق كارهٌ له.
- افتراق رأي الحكمين. فرضي أبو موسى بخلع علي ومعاوية، ويختار عبد الله بن عمر رضي الله عنه للخلافة. بينما عمرو بن العاص رضي الله عنه لم يرضه.
- صمَّم عليٌّ رضي الله عنه على حرب معاوية رضي الله عنه مرة أخرى، ولكن أمر الخوارج صرفه عن ذلك.

* التذكرة :

إن وحدة الأمة مطلب شرعي بل فريضة ثابتة كم قال تعالى : ﴿واعتصموا بحبل الله جميعا ولا تفرقوا ﴾ – سورة آل عمران ٣ : ١٠٣. فالوحدة تؤدي الى تحقيق أهداف الرسالة، منها تبليغ الإسلام للناس كافة، وجعله فوق الأديان كلها، والجهاد لتكون كلمة الله هي العليا. وهذه الأهداف يستحيل تحقيقها في ظل فرقة المسلمين واختلافهم. فيا أيها الأصدقاء، هيا نرتكز الى هذه الوحدة بالتزام الشريعة الإسلامية الغراء في أنفسنا وأسرتنا ومجتمعنا.

Pelajaran 3

**PENUBUHAN KERAJAAN UMAWIYAH**

Selepas tercetusnya perang yang sengit antara Muawiyyah r.a dan Ali r.a, berakhirlah peristiwa itu dengan perlantikkan Muawiyyah r.a sebagai pemimpin di Syam dan Ali r.a di Iraq. Kemudian Ali dibunuh dan dibaiah (dilantik) selepas itu anaknya,Hasan. beliau telah menyerahkan jawatan khalifah kepada Muawiyyah pada tahun 41 H selepas berlaku perdamaian antara keduanya. Maka bermulalah era pemerintahan kerajaan Umawiyah dan kerajaan Islam selama lebih daripada 90 tahun iaitu tahun 41 H – 132 H

Pengasas kerajaan ini ialah Muawiyah bin Abu Sufian r.a. Beliau mengasaskan kerajaan ini dan meletakkan nama datuknya iaitu Umaiyyah Bin Abd Shams bin Abd Manaf . zaman Muawiyah ialah zaman pemerintahan beraja dan beliau merupakan raja Islam yang pertama dan terbaik. Bukti bagi perkara tersebut ialah sabda Rasulullah saw: Pemerintahan berbentuk khalifah di kalangan umatku adalah selama 30 tahun dan kemudian kerajaan beraja selepas itu (Hadis riwayat Imam Ahmad) dan telah berlalu 30 tahun itu dengan khalifah Hassan bin Ali

Renungan:

Antara ciri penting pendekatan politik Muawiyah ra dalam pemerintahannya ialah beliau bersungguh-sungguh melaksanakan pemerintahannya berdasarkan al Quran dan hadis, menyebarkan ilmu di kalangan rakyatnya, memberi kefahaman agama dan mengenalkan mereka dengan sunnah nabi saw. Titik permulaan Muawiyah dalam perkara ini ialah kefahaman beliau tentang kepentingan/tugas utama khalifah iaitu menjaga agama dan menguruskan hal dunia. Beliau berpendapat antara kewajipan utamanya ialah mengenalkan rkyatnya dengan dasar-dasar Islam dan menggalakkan mereka untuk mengamalkannya.

الدرس الثالث

**نشأة الدولة الأموية**

وبعد أن نشبت الحروب الطاحنة بين معاوية رضي الله عنه وبين علي رضي الله عنه، انتهى الأمر بإمامة معاوية رضي الله عنه في الشام وإمامة علي رضي الله عنه في العراق. ثم قُتِلَ علي رضي الله عنه وبويع بعدُ ابنه الحسن رضي الله عنه.فسلّم الخلافة الى معاوية سنة ٤١ه بعد الصُّلح بينهما. فبدأ العهد الأموي وحكم الدولة الإسلامية أكثر من ٩٠ عاما من ٤١ه الى ١٣٢م.

ومؤسسها معاوية بن أبي سفيان رضي الله عنه، وبدأ معاوية تأسيس دولةً تحمل اسم جده وهو أمية بن عبد شمس بن عبد مناف رحمه الله. فأيّام معاوية أيّام الملك، فهو أوّل ملوك الإسلام وخيارهم. والدليل على ذلك قول النّبي صلى الله عليه وسلم: الخلافة في أمتي ثلاثون سنةً، ثم ملكًا بعد ذلك. (رواه الإمام أحمد). وقد انقضت الثلاثون بخلافة الحسن بن عليّ رضي الله عنه.

التذكرة :

ومن أهم ما يميّز منهج معاوية رضي الله عنه في سياسته في الخلافة،حرصه على العمل بالكتاب والسنة، ونشر العلم بين رعيته،وتفقيههم في الدين وتعريفهم بالسنة، ومنطلق معاوية في ذلك فهمه لمهمة الخلافة، فهي حفظ الدين وسياسة الدنيا به،فهو يرى أن من أهمو واجباته تعريف رعيته بمبادئ دينهم، وحملهم على العمل بها.

**Tiga tokoh khalifah Umawiyah**

1. **Muawiyah bin Abu Sufian**

**Biodata beliau:**

Abu Abdul Rahman Muawiyah bin Abu Sufian al Umawi al Qurashi bin Sakhr bin Harb bin Umayyah bin Abd Syams bin Abd Manaf. Ibunya: Hind binti Utbah bin Rabiah bin Abd Shams Sun Abdul Manaf Al-Qurashi Al-Hashimiyah. Keturunannya bertemu dengan keturunan Nabi saw pada 'Abd Manaf.

**Kehidupan beliau:**

Beliau dilahirkan di Mekah lima tahun sebelum kebangkitan nabi saw. Muawiyah adalah seorang lelaki yang tinggi, bertubuh sasa, putih dan segak, seorang lelaki yang hebat. Apabila beliau ketawa terangkat bibir atasnya. Sebelum Islam beliau tidak pernah menyakiti nabi saw samada dengan tangan atau lidah. Antara adik beradik Muawiyah ialah Yazid, Utbah, Anbasah, Ramlah, Um al Hakam, Azzah dan Umaimah.

Beliau memeluk islam bersama bapanya dan saudaranya Yazid pada hari Pembukaan Kota Mekah mengikut riwayat yang terkenal Muawiyah adalah salah seorang cerdik pandai Arab yang begitu hebat. beliau seorang yang belapang dada, lemah lembut, rendah diri, mulia dan murah hati. beliau mempelajari ilmu penulisan dan matematik. Rasulullah saw melantik beliau sebagai salah seorang penulis baginda.

**Pemerintahan dan pembaharuan beliau :**

Muawiyah dilantik menjadi Khalifah pada tahun 41 H setelah Hassan bin Ali menyerahkan jawatan tersebut kepadanya. Beliau adalah raja pertama kerajaan Umawiyah dan pengasasnya. Pemerintahannya berterusan sehingga beliau tua dalam tempoh 19 tahun.

ثلاث شخصيات من الخلفاء الأمويين

**١–معاوية بن أبي سفيان**

التعريف به :

هو أبو عبدِ الرحمن معاوية بن أبي سفيان الأموي القرشي بن صخرٍ بن حربٍ بن أمية بن عبد شمس بن عبد مناف. وأمه: هِندُ بنت عُتبَة بن ربيعة بن عبد شمس بن عبد مناف القرشية الهاشمية. يلتقي نسبه بنسب الرسول صلى الله عليه وسلم في عبد مناف.

نشأته :

ولد بمكة قبل البعثة بخمس سنين على الأشهر. وكان معاوية رجلاً طويلاً جسيماً أبيضَ جميلاً مهيبًا أجلح. إذا ضحك انقلبت شفته العليا. ولم يُعرف عنه قبل الإسلام أذىً للنبي صلى الله عليه وسلم، لا بيد، ولا بلسان. ومن إخوان وأخوات معاوية هم: يزيد، وعُتبة،وعَنبَسة، ورَملَة وأُمُّ الحكم، وعزَّة، وأُمَيمَة.

أسلم مع أبيه وأخيه يزيد يوم الفتح على المشهور. وكان معاوية أحد دُهَات العرب المتميزين الكبار. وكان فسيحًا حليمًا وقُورًا كريمًا سخيًّا. تعلم الكتابة والحساب، فجعله رسول الله صلى الله عليه وسلم في كتَّابه.

خلافته وإصلاحاته :

ولِّى معاوية الخلافة سنة ٤١هـ بعد تسليمها له من الحسن بن علي. وكان أول مَلِك للدولة الأموية ومؤسِّسُها. ودامت خلافته الى أن بلغ سن الشيوخوخة في مدة تسع عشرة سنة.

**Antara pembaharuan yang beliau lakukan:**

- Beliau adalah orang pertama menjadikan kota Damsyik sebagai pusat pemerintahan.
- Penaklukannya sampai ke Lautan Atlantik dan membuka negara Sudan, dan kebanyakan pulau-pulau di Greek dan Dardanelles di Turki.
- Orang pertama melantik Pengawal dalam (pemerintahan) Islam
- Orang pertama mendirikan mihrab di masjid

**Kematian beliau:**

Beliau meninggal dunia di Damsyik ketika berusia 78 tahun selepas melantik anaknya, Yazeed bin Muawiyah sebagai khalifah. Beliau dikebumikan di Damsyik, dan kematiannya pada bulan Rejab tahun 60 H.

1. **Abdul Malik bin Marwan**

**Biodata beliau:**

Beliau ialah Abdul Malik bin Marwan bin Hakam bin Abu Al-As bin Umayyah. Abu al Walid al Umawi. Bapanya ialah Marwan bin al Hakam bin Abu Al-As bin Umayyah bin Abd Syams bin Abd Manaf dan ibunya ialah Aishah binti Muawiyah bin al Mughirah bin Abu al-As bin Umayyah al Akbar al-Qurashi

**Kehidupan beliau:**

Beliau dilahirkan pada tahun 26 H, dan dibesarkan di Madinah. Beliau adalah sederhana tinggi, rapat dengan istana. Berkulit putih, tidak kurus dan tidak gemuk, mukanya cantik tidak pernah berubah warnanya dan cincinnya terukir perkataan “aku beriman kepada Allah dengan penuh keikhlasan”

ومن إصلاحاته:

- هو أوَّل من جعل دمشق مقرَّ خلافةٍ.
- بلغت فتوحاته المحيط الأطالسي، وافتتح بلادَ السودان، وكثيرا من جزائر اليُونان والدَّردنيل بتُركيا.
- وأول من اتخذ الحَرَسَ في الإسلام
- وأول من نصب المحراب في المسجد

وفاته :

توفِّي في دمشق عن ٧٨ عامًا بعدما عهد بالأمر الى ابنه يزيد بن معاوية. ودفن في دمشق، وكانت وفاته في رجب سنة ٦٠هـ.

**٢ – عبد الملك بن مروان**

التعريف به :

هو عبدُ المَلِكِ بن مروان ابن الحَكَمِ بن أبي العَاص بن أُميَّة، أَبُو الوليد الأُمويُّ. والده مروان بن الحكم بن أبي العاص بن أميَّة بن عبد شمسٍ بن عبد منافٍ. وأُمَّه عائشة بنت مُعاوية بن المغيرة بن أبي العاص بن أمية الأكبر القرشيُّ.

نشأته :

وُلدَ سنة سِتٍّ وعشرين للهجرة، وتربَّي في المدينة المنوَّرة. كان رَبْعَة من الرجال الأقرب الى القصر. أبيض، ليس بنحيفٍ ولا بادنٍ، حسن الوجه لم يَخضَب. ونقش خاتمة "آمنت بالله سبحانه وتعالى مخلصا".

Sebelum menjadi Khalifah, beliau adalah dari kalangan ahli ibadah yang zuhud, ahli fiqah dan sentiasa berada di masjid membaca Quran. Beliau mempelajari ilmu- ilmu Islam dan cemerlang dalam pembelajarannya. Berpindah ke Damsyiq dan menuntut ilmu dari ulamak fekah di sana. Di smping itu beliau adalah seorang penyair, sasterawan dan ahli pidato. Muawiya melantik beliau bertugas di Madinah ketika berusia 16 tahun.

وقد كان قبل الخلافة من العباد الزهاد الزهاد الفقهاء الملازمين للمسجد التّالين للقرآن الكريم. درس العلوم الإسلامية وتفوَّق في دراسته. النتقل الى دمشق وأخذ العلم من فقهائها.وهو فوق ذلك شاعر وأديب وخطيب. واستعمله معاوية على المدينة وهو ابن ١٦ سنة.

**Pemerintahan dan pembaharuan beliau:**

Jawatan Khalifah berpindah kepada beliau setelah kematian bapanya Marwan bin al-Hakam pada tahun 65 H. Umat Islam bersatu bersama beliau selepas kematian Musab bin Zubair dan Abdullah bin Zubair dalam peperangan mereka menentang Hajjaj bin Yusuf al-Thaqafi. Abdul Malik mengukuhkan semula asas kerajaan dengan asas yang kukuh. Oleh itu ahli sejarah menganggap beliau sebagai pengasas kedua kerajaan Umawiyah. Tempoh pemerintahan Abdul Malik bin Marwan adalah 21 tahun.

خلافته وإصلاحاته :

انتقلت إليه الخلافة بموت أبيه مروان بن الحكم سنة ٥٦٥. واجتمعت عليه كلمة المسلمين بعد مقتل مُصعَب وعبد الله ابنَّي الزُّبير في حربهما مع الحجاج بن يوسف الثقفي. ويرسي عبد الملك قواعد الدولة من جديد على أسس قويَّة. لذلك عدَّه المؤرخون المؤسِّس الثَّاني للدولة الأُمويَّة. وكانت مدَّة خلافة عبد الملك بن مروان إحدى وعشرين سنة.

**Antara pembaharuan beliau:**

- Menghapuskan gerakan Khawarij
- Memindahkan buku-buku dari Parsi dan Rom ke negara Arab
- Menandakan huruf-huruf dengan sebutan dan baris
- Beliau orang pertama yang mencipta matawang dinar dalam Islam
- Beliau orang pertama yang mengukir tulisan Arab pada dirham, dan sayyidina Umar bin al-Khattab r.a mencipta matawang dirham

ومن إصلاحاته:

- القضاء على حركة الخوارج
- نَقلُ الدَّواوين من الفارسيَّة والرُّوميَّة الى العربية
- ضبط الحروف بالنطق والحركات
- وهو أول من صكَّ الدنانير في الإسلام
- وأول من نقش بالعربية على الدراهم، وكان عمر بن الخطاب رضي الله عنه قد صك الدراهم

**Kematian beliau:**

Abdel Malik bin Marwan r.a meninggal dunia ketika berusia 60 tahun pada 87 H di Damsyik. Dia mewasiatkan sebelum kematiannya agar melantik anaknya al Walid sebagai khalifah.

وفاته :

توفِّي عبد مالك بن مروان رحمه الله عن ٦٠ عامًا سنة ٥٨٧ في دمشق. وقد أوصى قبل وفاته بالخلافة لابنه الوليد.

1. **Umar bin Abdul Aziz**

**Biodata beliau:**

Beliau ialah Abu Hafs Umar bin Abdul Aziz bin Marwan bin al Hakam al Umawi al Quraisyi, seorang khalifah yang soleh dan raja yang adil. Beliau adalah khalifah Umawiyah kelapan. Bapanya ialah Abdul Aziz bin Marwan bin al-Hakam, beliau adalah pemimpin terbaik bani Umayyah. Ibunya ialah Umm Asim binti Asim bin Umar bin Al Khattab, dan ada yang mengatakan namanya: Laila.

**Kehidupan beliau:**

Beliau dilahirkan pada tahun 61 Hijrah di Madinah. Seorang yang berakhlak mulia dan tubuh badab yang sempurna, akal fikiran yang sempurna, ilmu yang banyak, jiwa yang memahami, lembut hatinya dan suka bertaubat, dan taat kepada Allah swt dengan penuh keikhlasan. Umar bin Abdul Aziz menghafal al Quran ketika masih kecil. Perkara yang membantu beliau menghafal al Quran ialah jiwa yang suci dan menghafal al Quran sepenuh masa. Beliau begitu berminat mencari ilmu dan mengambil berat terhadap Hadis Nabi saw.. Beliau duduk bersama Abu Hurairah dan Sahabat r.a yang lain dan mendengar dari mereka.

Umar bin Abdul Aziz dididik oleh ulamak-ulamak fekah yang terkemuka dan ulamak-ulamak lain di Madinah. Bilangan guru beliau ialah 33 orang, 8 daripada mereka adalah para sahabat dan 25 orang di kalangan tabi`in. Ayahnya memilih Soleh bin Kaisan menjadi guru kepada Umar. Soleh mendidik beliau dan mewajibkan Umar menunaikan solat fardu di masjid. Antara guru beliau yang begitu memberi kesan kepada beliau ialah Ubaidullah bin Abdullah bin Utbah bin Mas'ud, Said bin Musayyib, dan Salim bin Abdullah bin Omar bin al Khattab r.a.

**٣- عمر بن عبد العزيز**

التعريف به :

هو أبو حفص عمر بن عبد العزيز بن مروان بن الحكم الأمويِّ القرشيِّ، الخليفة الصَّالح، والملك العادل. وهو ثامن الخلفاء الأمويين. والده: هو عبد العزيز بن مروان بن الحكم، وكان من خيار أمراء بني أميَّة. وأمّه: أم عاصم بنت عاصم بن عمر بن الخطاب، وقيل اسمها: ليلى.

نشأته :

ولد سنة ٥٦١ في المدينة المنورة. وكان حَسَنُ الأخلاق والخُلق، كامل العقل، وافر العلم، فقيه النفس، أوّاها منبيًا، قانتا لله حنيفا. وجمع عمر بن عبد العزيز القرآن وهو صغير. وساعده على ذلك صفاء نفسه وتَفَرُّغُهُ الكَامِلُ للحفظ. وكان شديد الإقبال على طلب العلم واهتمامه بالحديث النبوي الشريف. فقد جلس الى أبي هريرة وغيره من الصحابة رضي الله عنه وسمع منهم.

تربّى عمر بن عبد العزيز على أيدي كبار فقهاء المدينة وعلمائها. وقد بلغ عدد شيوخه ثلاثة وثلاثين، ثمانية منهم من الصَّحابة وخمسة وعشرون من التابعين. فقد اختار والده صالح بن كَيسَان ليكون مُرَبِّيًا لعمر. فتولَّى صالح تأديبه، وكان يُلزم عمر الصَّلوات المفروضة في المسجد. ومن شيوخه الذين تأثَّرهم بهم عبيد الله بن عبد الله بن عتبة بن مسعود، وسعيد بن المُسَيِّب، وسالم بن عبد الله بن عمر بن الخطَّاب رحمه الله.

**Pemerintahan dan pembaharuan beliau:**

Umar bin Abdul Aziz adalah antara gabenor pada masa pemerintahan Sulaiman bin Abdul Malik. Setelah Sulaiman meninggal dunia pada tahun 99 H, Umar dilantik sebagai khalifah. Beliau seorang yang adil, baik pemerintahannya, sentiasa ingin mengamalkan al Quran dan Sunnah dalam pemerintahannya. Seorang yang zuhud walaupun berjawatan khalifah, bercakap dengan kebenaranwalaupun sedikit penyokongnya,. Beliau dianggap oleh ilmuan sebagai khalifah ar Rasyidin yang ke lima. Pemerintahan beliau berlangsung selama 2 tahun, 5 bulan dan 4 hari.

**Antara pembaharuan beliau:**

- Penyebaran ilmu dengan menghantar ulama` ke Bandar-bandar dan kampung-kampung
- Beliau mengarahkan membukukan hadis nabi saw
- Pembahagian pendapatan negara dan kekayaannya secara adil

**Kematian beliau:**

Umar bin Abdul Aziz meninggal dunia pada hari Jumaat 10 malam terakhir bulan Rajab tahun 101 H ketika berusia 40 tahun. Ada mengatakan beliau diberi racun dan mati disebabkannya. Beliau dikebumikan di Syam.

خلافته وإصلاحاته :

كان عمر بن عبد العزيز من الولاة في عهد سليمان بن عبد الملك. فلمَّا مات سليمان سنة ٩٩ ه، تولَّى عمر الخلافة. فكان عادلاً، جيِّد السياسة، حريصًا على العمل بالكتاب والسنة في سياسته، زاهدًا مع الخلافة، ناطقًا بالحق مع قلة المُعِين.وعُدَّ عند أهل العلم من الخلفاء الراشدين خامسهم والعلماء العاملين. استمرَّت خلافة عمر سنتين وخمسة أشهر وأربعة أيَّام.

ومن إصلاحاته :

- نشر العلم بإرسال العلماء الى الأمصار والبوادي
- أمر بتدوين السُنَّة
- توزيع الدَّخل والثروة بشكل عادل.

وفاته :

وتوفي عمر بن عبد العزيز يوم الجمعة لعشر ليالٍ بَقِينَ من رجب سنة ١٠١ ه عن ٤٠ عامًا. وذُكِر أنَّه سقِي السُّم ومات بسببه. ودفن بالشَّام.

Pelajaran 4

## TAMADUN DI ZAMAN KERAJAAN UMAWIYAH

### Kemunculan Tamadun di zaman kerajaan Umawiyah

zaman pemerintahan Umawiyah bukan hanya zaman penaklukan yang besar tetapi era mereka menyaksikan permulaan pertumbuhan gerakan Ilmiah, pendidikan, pertanian, seni bina dan kuasa ketenteraan.

**1. Pendidikan**

- Zaman pemerintahan Umayyah begitu mengambil berat terhadap ilmu-ilmu Islam yang asal seperti ilmu tafsir, hadis, fekah bahasa Arab dan kesusasteraannya.
- Ilmu-ilmu ini mempunyai sekolah-sekolahnya di setiapbandar dan tempat. Ianya diajar oleh tokoh-tokoh sahabat, golongan tabiin dan ulamak.
- Umat Islam telah memelihara warisan ilmu-ilmu asing yang mereka temui di negara-negara yang ditakluki. Kawasan-kawasan ini adalah kawasan tamadun dan ilmu yang terkenal di dunia pada masa itu.
- Mereka mula beralih kepada ilmu-ilmu asing ini dan menterjemahkannya ke dalam bahasa Arab, antaranya: ilmu falsafah, perubatan, astronomi, matematik, alam sekitar dan kimia.

**2. Pertanian**

- Kerajaan Umawiyah mendirikan jambatan dan empangan, menggali terusan, membangunkan bangunan tinggi, kincir angin dan kilang, lalu berkembang majulah bidang pertanian.
- Omar bin Abdul Aziz memerintahkan Assamh bin Malik Khawlaani membina gerbang Cordoba di lembah besar di Cordoba. Di bawah jambatan yang melintasi lembah terdapat laluan empangan yang diperbuat daripada batu Coptic dan tiang-tiang bandar dari marmar. Di empangan ini terdapat tiga rumah pengisar gandum, setiap rumah tersebut terdapat empat alat pengisar.

الدرس الرابع

## الحضارة في عهد الدولة الأموية

### نشأة الحضارة في عهد الدولة الأموية

العصر الأموي لم يكن فقط عصر فتوحات عظيمة بل إن عصرهم شَهِدَ بداية نمو الحركة العلمية والتربية والزراعة والهندسة المعماريَّة والقوَّة العسكريَّة.

**١. التربية**

✓ أخذ العهود الأموي أشد الاهتمام بالعلوم الإسلامية الأصليّة مثل : التفسير والحديث والفقه واللغة العربية وآدبها.

✓ أصبحت لهذه العلوم مدارس في كل المدن والأمصار، وعلَّمها الأساتذة من الصحابة والتابعين والعلماء.

✓ إن المسلمين قد حفظوا على التراث العلمي الأجنبي الذي وجدوه في البلاد المفتوحة. وهذه المناطق هي موطن الحضارة والعلم في العالم يومئذ.

✓ فبدأوا يتّجهون للعلوم الأجنبية ويُتَرجِمُونَها الى اللغة العربية، منها : الفلسفة والطبّ والفلك والرياضيات والطّبيعة والكيمياء.

**٢. الزّراعة**

✓ أقام الأمويون الجسور والسّدود، وشقوا التُّرَع، وعمّروا القناطير والنواعير والطواحين، فازدهرت الزراعة ونمت.

✓ امر عمر بن عبد العزيز السَّمحَ بن مالك الخَولاَنِيَّ ببناء قنطرة قرطبة على الوادي الكبير بالقرطبة.وتحت القنطرة، يعترض الوادي رصيف سدًّ مصنوع من الأحجار القبطية والعُمَد الخاشنة من الرخام.وعلى هذا السد ثلاثة بيوت أرحاء، في كل بيت منها أربع مطاحن.

- kerajaan mengambil berat dengan membina tempat pengukur di tepi sungai Nil, bagi menentukan kawasan yang mereka akan usahakan berdasarkan pengukuran tersebut. Di Mesir mereka membina beberapa tempat pengukur iaitu **Ansena** dalam era pemerintahan mu'awiyah r.a, **Helwan** pada era pemerintahan Abdul Aziz bin Marwan, dan **Raudah** pada masa pemerintahan Walid bin Abdul Malik.
- Mereka menjaga tanah pertanian dan menggalakkan pemulihannya dan penanaman supaya dapat meningkatkan hasil tanah. Muawiyah bin Abu Sufyan menanam kembali tanah terbiar di Syam dan menjadikannya taman-taman bunga.

**3. kekuatan ketenteraan**

- Kerajaan membelanjakan sebahagian besar sumber kewangannya dalam bidang ketenteraan. Dan memberikan gaji untuk askar bantuan anak-anak mereka dan membantu tentera yang berjuang.
- Mewujudkan perkampungan/kem tentera di semua kawasan pertempuran, dan memperlengkapkannya dengan tentera. kemudian menggalakkan orang ramai untuk berpindah ke sana dan menetap di sana. Menyediakan tanah pertanian, membina rumah untuk mereka, dan menyediakan bekalan makanan, setor senjata dan pakaian. Kem tersebut dilindungi dengan pagar, parit, istana dan kubu-kubu. Dibina menara kawalan dan menara tinjau di sepanjang jalan antara pelabuhan dan kawasan sempadan. Kebanyakan bandar-bandar tentera ini telah bertukar menjadi pusat-pusat bandar yang penuh dengan bangunan, tempat ibadat, pusat kebudayaan dan pasaran perdagangan.

- **Antara jenis senjata tentera darat** :

  - Tentera berkuda : Mereka membuat tali kekang kuda, pelana dan tapak kaki untuk kuda, pedang, tombak ,perisai, baju rantai, busur panah dan senjata yang lain untuk tentera berkuda.
  - Senjata berduri: Ia berperanan hamper sama dengan peranan periuk api pada zaman moden ini.
  - Manjanik (meriam melontar batu besar): ianya mempunyai kesan yang kuat dalam memusnahkan sekatan/benteng.
  - Kereta kebal: alat serangan untuk merobohkan kubu-kubu.

✓ واهتموا ببناء المقاييس عند نهر النيل، لتحديد المساحة التي يزرعونها في ضوء هذه المقاييس. فَبَنَوْا في مصر مقاييس: أَنصِنَا في عهد معاوية رضي الله عنه، وحُلوَان في عهد عبد العزيز بن مروان، والروضة في عهد الوليد بن عبد الملك

✓ وَاعْتَنَوا بالأراضي وشجعوا على استصلاحها وزرعها لكي يزيد الخراج. كما زرع معاوية بن أبي سفيان أرض الموات في الشام وجعل منها بساتين زاهرة.

**٣. القوة العسكرية**

✓ صرفت الدولة القسم الأكبر من من مواردها المالية في المجال العسكري. فأخرجت الرواتب للجُند والأزراق للذرية والمساعدة للمقاتلة

✓ أقامت المدن العسكرية في جميع جبهات القتال، وعبَّأتها بالجنود.ثم شجعت الناس على الانتقال اليها والإقامة بها. وأقطعتهم الأراضي الزراعية، وبنت لهم المنازل،ووفَّرت بها الطعام ومخازن الأسلحة والكسوة. وَحَصَّنتها بالأسوار والخنادق والقلاع والحصون، وأقامتِ المناظرَ والمنارات على طول الطريق بين الثُّغُور والداخل. وقد تحول كثير من هذه المدن العسكرية الى مراكز مدنية حافلة بالبناء وأماكن العبادة ومراكز الثقافة وأسواق التجارة.

✓ ومن **أنواع الأسلحة البرية:**

- الفرسان : صنعوا اللِّجام والسَّرج والحَدوَة للخيل، والسيف والرمح والتُّرس والدَّرع والقوس وغيرها للفارس.
- الحسكُ : وكان يلعب دورا شبيها بدور الألغام في العصر الحديث.
- المَنجَنِيق : له تأثير فعال في تهديم الحصار.
- الدَّبَّابَة : آلة هجومية لهدم الحصون.

- Kerajaan memperkukuhkan kekuatan ketenteraan dengan mewujudkan persenjataan tentera laut iaitu armada tentera laut dan menubuhkan kawasan pembinaan kapal di Acre, kemudian selepas itu di Negara Syam, Mesir, dan Tunisia.

**4. Senibina bangunan**

- Kerajaan Umayyah mempunyai keistimewaan bentuk seni bina yang pertama dalam sejarah Islam, antara senibina utamanya: Masjid Umayyah di Damsyik, kubah batu dan Masjid Al-Aqsa di al Quds.
- Kerajaan Umayyad mengambil seni dan industri Bizantium, Syria dan Negara-negara lain selepas mereka membuka negara tersebut.
- Kerajaan Umayyah membina istana di padang pasir Sham untuk aktiviti memburu. Di sana terdapat kesan hampir 30 istana lama, antara istana utamanya: istana al Hair timur, istana al Hair barat, Istana Amrah,dan Istana Mushatta.
- Mereka telah mencipta hiasa pada bangunan, kita temui binaan melengkung di atas pintu/seumpamanya dan penggunaan seni ukiran kayu. Ruangan terbuka kebanyakannya berbentuk segi empat tepat dan ruangan dalamnya menggunakan marmar pada lantainya. Mereka menggunakan batu, marmar dan batu bata.
- Abd al-Rahman al-Dakhil mula membina Masjid Besar di Cordoba semasa pemerintahannya. Beliau menambah binaan melengkung di birai/tepi, binaan melengkung berasingan , dan menggunakan anjung sebagai hiasannya.

**Faktor-faktor dalam pembinaan tamadun kerajaan Umawiyah**

**1. Kestabilan kerajaan Umawiyah**

- Kebijaksanaan khalifah dan kecekapan mereka dalam pengurusan negara dan meningkatkan tahap keselamatannya.
- Melantik hakim berdasarkan kelayakan dan kepakaran mereka untuk menjalankan tugas.
- Memastikan hakim mematuhi sistem kehakiman yang mantap, seperti undang-undang kezaliman dan undang-undang hisbah.

✓ عزّزت الدولة القوة العسكرية بإنشاء الأسلحة البحرية وهي الأُسطُول، وأقامت دور صناعة السفن في عَكًّا (Acre)، ثم من بعدها في بلاد الشام، ومصر، وتونس.

**٤. الهندسة المعماريّة**

✓ امتاز العصر الأموي بطراز معماري الأول في تاريخ الإسلام، أهمها: الجامع الأموي في دمشق، وقبة الصخرة والمسجد الأقصى في القدس.

✓ أخذ الأمويون الفن والصناعة من البيزنطيين والسوريين وغيرهم بعد أن فتحوا بلادهم.

✓ أشاد الأمويون القصور في بادية الشام لممارسة الصيد. ففيها بقايا نحو ٣٠ قصرا، أهمها: قصر الحَير الشرقي، وقصر الحَير الغربي، وقصر عَمرَة، وقصر الـــمُشَتَّى.

✓ فقد ابتكروا إشادة الأبنية، فنجد العقود واستخدام الجَملُونَات الخشبية. وكانت الفَتَحَات في الغالب مستطيلة. ودخل استخدام المرمر في الأرضيات. وقد استخدموا الحجر والرُّخام والآجُرَّ.

✓ بدأ عبد الرحمن الداخل تشييد المسجد الكبير بقرطبة في عهده. وأضيفت اليه العقود الحَدوِية، والعقد المفصَّص، واستُخدِمت الشُّرَّافَة في تزيينه.

**العوامل في حضارة الدولة الأموية**

**١. استقرار الدولة**

- حكمة الخلفاء وبراعتهم في تدبير الدولة وتطوين أَمْنِها.
- تعيين القُضَاة حسبَ كفاءتهم وأهليَّتهم للعمل.
- التَّأَكُّدُ من التزام القُضَاة بالأسلوب القضائي القويم، مثل قضاء المظالم وقضاء الحسبة.

- Melantik para ulamak dan berbincang bersama mereka berkaitan urusan negara.
- Mematuhi undang-undang Islam dalam pentadbiran negara

**2. Kestabilan ekonomi**

- Kerajaan mengambil berat bidang pertanian dalam semua bentuknya, dan perdagangan peringkat dalam dan luar negara.
- Pengagihan pendapatan dan kekayaan secara adil
- Mengawal kebanyakan laluan perniagaan utama dan pergerakannya dengan menggunakan bahasa Inggeris hasil daripada pembukaan negara-negara Islam yang luas.

**3. Perkembangan ilmu dan kebudayaan**

- Sekolah-sekolah ilmiah begitu aktif dan dibukukan ilmu-ilmu Islam
- Kemasukan bangsa asing dalam agama Islam, maka dapat manfaat daripada ilmu dan pencapaian mereka.
- Bermulalah gerakan penterjemahan ilmu-ilmu luar ke dalam bahasa Arab.

**Faktor kejatuhan kerajaan Umawiyah**

- Meluasnya kehidupan mewah dan boros
- Konflik antara ahli keluarga Umawiyah
- Pengabaian khalifah Umayyah terhadap kepimpinan agama
- Tidak mengambil peduli khalifah Umayyah terhadap penyebaran gerakan Abbasiyah (untuk menjatuhkan kerajaan Umawiyah)
- Penggulingan khalifah Islam kepada sistem raja yang diwarisi
- Perbezaan fahaman di antara penyokong bani Umayyah yang mana majoriti mereka adalah daripada golongan Sunni, Syiah, Khawarij dan Abbasiah

- تولية العلماء ومشاورتهم في أمور الدولة.
- الالتزام بالشَّريعة الإسلامية في تدبير الدولة.

**٢. الاستقرار الاقتصادي**

✓ اهتمام الدولة بالزراعة بكل أشكالها، والتجارة الداخلية والخارجية

✓ توزيع الدخل والثروة بشكل عادل

✓ السيطرة على أغلب الطُّرق التِّجارية الأساسية وحركتها بالإنجليزية نتيجة للفتوحات الإسلامية الكبيرة.

**٣. تطور العلوم والثقافة**

✓ نشطت المدارس العلمية ودوِّنت العلوم الإسلامية

✓ دخول شعوب جديدة في الإسلام، فيُمكِنُ الاستفادة من علوم وإنجازاتهم.

✓ بدأت حركة الترجمة للعلوم الأجنبية الى اللغة العربية.

**<u>عوامل سقوط الدولة الأموية</u>**

- انتشار الترف والإسراف
- النّزاع بين أبناء البيت الأموي
- تخلي خلفاء بني أميّة عن القيادة الدينية
- إهمال الخلفاء الأمويين لانتشار الدعوة العباسية
- انقلاب الخلافة الإسلامية الى الملك العَضُوضِ الوِرَاثِيِّ
- الخلافات المذهبية بين أنصار بني أمية وأغلبيتهم من السُّنة، والشيعة، والخوارج،والعباسيين.

Pelajaran 5

## TOKOH-TOKOH TERKENAL NEGARA ISLAM

Tokoh-tokoh terkenal negara Islam, iaitu Imam Hassan al-Basri, Imam Abu Hanifa dan Imam Malik bin Anas

**Imam Hassan al-Basri r.a**

**Biodata beliau:**

Beliau ialah Abu Sa'id al-Hasan bin Abu Hasan al-Basri r.a. Dilahirkan pada tahun 21H di Madinah pada zaman pemerintahan Umar, tinggal di Lembah Qura. Ibu beliau Khairah adalah khadam kepada Ummu Salamah iaitu isteri Rasulullah SAW. Ada ketika ibu beliau keluar bekerja, beliau menangis ketika masih kecil, lalu Ummu Salamah menyusukannya. Allah swt mengurniakan kepada beliau hikmah dan ilmu berkat penyusuan tersebut.

**Sifat Beliau:**

Al Hasan seorang yang kuat agamanya, banyak bersedih, zuhud, fasih (pakar bahasa Arab), tampan dan beliau antara orang yang berani pada zamannya. Beliau terkenal dengan seorang yang sangat takut dan gerun terhadap Allah SWT, sentiasa berpuasa dan solat malam.

**Kemasyhuran beliau:**

Al Hasan adalah antara pemimpin di kalangan tabi`in dan imam penduduk Basrah. Beliau sempat bertemu dengan 130 orang sahabat Nabi saw. Beliau meriwayatkan (hadis) dari Anas bin Malik, Jabir bin Abdullah, Abu Musa al Asy'ari dan lain-lain. beliau belajar ilmu-ilmu Islam dengan ramai ulama yang menetap di Basrah. Kemudian beliau menjadi ulama yang terkenal di zamannya.

Dalam kerajaan Muawiyah, beliau menjadi penulis kepada gabenor Khorasan iaitu ar Rabi' bin Ziyad. Beliau menemui pemerintah dan menyuruh mereka berbuat perkara kebaikan dan menegah mereka daripada perkara kemungkaran. Beliau membantu Khalifah Omar bin Abdul Aziz dalam beberapa urusan negara Islam. al Hassan meninggal dunia ketika berusia 88 tahun pada bulan Rejab 110 H.

الدرس الخامس

## الأعلام المشهورون في الدولة الإسلامية

الأعلام المشهورون في الجولة الإسلامية، وهم الإمام الحسن البصري والإمام أبو حنيفة والإمام مالك بن أنس

**الإمام الحسن البصري رضي الله عنه**

**التعريف به:**

هو أبو سعيد الحسن بن أبي الحسن يسار البصري رضي الله عنه.ولد سنة ٢١ ه بالمدينة في خلافة عمر، ونشأ بوادي القرى. وكانت والدته،خيرة خادمة لأمّ سلمة، زوجة النبي صلى الله عليه وسلم. وربما خرجت أمه في شغلٍ، فيبكي وهو طفل. فأرضعته أم سلمة. فأتاه الله سبحانه وتعالى الحكمة والعلوم من بركة تلك الرَّضاعة.

**صفاته:**

كان الحسن ناسكًا، كثير الحزن،زاهدًا،فصيحًا،وسيمًا، من أشجع أهله زمانه. وقد عُرِفَ بشدة الخوف والخشية لله سبحانه وتعالى. كان من الصُّوَّام والقُوَّام.

**شهرته:**

كان الحسن من سادات التابعين وإمام أهل البصرة. أدرك مائة وثلاثين من أصحاب النبي صل الله عليه وسلم، فروى عن أنس بن ملك، وجابر بن عبد الله، وأبي موسى الأشعري، وغيرهم. وتعلم العلوم الإسلامية على عدد كبير منهم الذين استقروا بالبصرة. فأصبح أشهر علماء عصره.

صار كاتبًا في دولة معاوية لوالي خراسان الرَّبيع بن زياد. فكان يدخل على الولاة، فيأمرهم وينهاهم، ويساعد الخليفة عمر بن عبد العزيز في بعض شؤون الدولة الإسلامية. توفي الحسن ٨٨ عامًا في رجب سنة ١١٠م.

## Imam Abu Hanifah r.a

**Biodata beliau:**

Beliau ialah Al Nu`man bin Thabit ibn al-Nu'man al-Taimi al-Kufi, Abu Hanifah. Dilahirkan pada tahun 80 H di Kufah. Beliau dibesarkan di sana dalam keluarga muslim yang baik, kaya dan mulia. Sempat bertemu beberapa orang sahabat nabi saw, antaranya Anas bin Malik

**Sifat Beliau:**

Seorang yang luas ilmunya, zuhud, warak, banyak beribadah, tawadhuk, petah berhujjah, antara orang hebat ucapannya.

**Kemasyhuran Beliau**:

Terkenal dengan ilmunya yang luas dan berakhlak yang mulia. Beliau adalah imam pertama daripada imam-imam mazhab yang empat dan merupakan pengasas mazhab Hanafi. Beliau mendalami ilmu kalam sejak kecil hingga mahir dalam ilmu tersebut. beliau berdebat dengan ahli berbagai kumpulan dan menundukkan mereka. Kemudian beliau beralih kepada ilmu fekah dan belajar dengan Hammad bin Abu Sulaiman selama 18 tahun sehingga Hammad meninggal dunia. Abu Hanifah mengetuai halaqah ilmu (mengantikan) gurunya Hammad di masjid Kufah.

Semasa era kerajaan Umawiyah, gabenor Kufah Yazid bin Umar bin Hubairah ingin melantik beliau menjadi hakim, namun beliau enggan (dan menolak jawatan tersebut), lalu beliau dipenjarakan oleh gabenor tersebut dan menyeksanya. Di zaman pemerintahan Abbasiyah, Al-Mansur ingin melantik beliau sebagai hakim, namun beliau menolaknya, lalu beliau dipenjarakan oleh al Mansur sehingga meninggal dunia. Abu Hanifah r.a meninggal dunia pada bulan Rejab tahun 150 H di Baghdad.

## الإمام أبو حنيفة رضي الله عنه

**التعريف به:**

هو النُّعمان بن ثابت بن النعمان التّيمي الكوفي، أبو حنيفة. ولد سنة ٨٠ ﻫ بالكوفة، ونشأ بها في أسرةٍ مسلِمَةٍ صالحةٍ غنيةٍ كريمةٍ. لقِيَ عددا من الصحابة، منهم أنس بن مالك.

**صفاته:**

هو صاحب علم غزير،زاهدًا، ورعًا، كثير العبادة،متواضعًا، قوي الحُجَّة، من أحسن الناس منطقًا.

**شهرته:**

اشتُهِرَ بعلمه الغزير وأخلاقه الحسنة. وكان أول أئمة الأربعة،ومؤسس المذهب الحنفي.خاض علم الكلام منذ الِّبا حتَّى برع فيه،فجادل أصحاب الفرق المختلفة، فأقنعهم. ثمَّ انصرف الى الفقه، ولازم حمّاد بن أبي سُليمان ثمانية عشر عامًا الى أن مات. فتولَّى أبو حنيفة رئاسة حلقة شيخه حماد بمسجد الكوفة.

وفي العهد الأموي، أراده والي الكوفة، يزيد بن عمر بن هُبَيرةَ أن يلي القضاء، فأبى فحبَسه الوالي وضربه. وفي العهد العباسي، أراده المنصور على القضاء،فامتنع. فحبسه المنصور الى أن مات. وتوفِّي أبو حنيفة رضي الله عنه في رجب سنة ١٥٠ ﻫ ببغداد.

## Imam Malik bin Anas r.a

**Biodata beliau:**

Beliau ialah Malik bin Anas bin Malik bin Abu Amir Nafie al-Hamiri alMadani, Abu Abdullah. Dilahirkan pada tahun 93 H di Madinah al Munawwarah, dan dibesarkan di sana.

**Sifat Beliau:**

Imam Malik seorang yang alim, warak, punyai ingatan yang kuat dan firasat yang tajam, penyabar, mempunyai kehebatan, mulia, kuat ibadah dan sangat memuliakanlmengagungkan hadis Rasulullah SAW

**Kemasyhuran Beliau**:

Imam Malik adalah antara pemimpin pengikut tabi`in, dan imam kedua daripada imam-imam mazhab yang empat, dan mengasaskan mazhab Maliki. Beliau merupakan pengasas mazhab Maliki, sentiasa bersama ulamak fekah Madinah. Ibnu Hurmuz berusia tujuh tahun belajar bersamanya. Beliau menuntut ilmu daripada Nafi’ maula ibnu Umar, al Zuhri dan lain-lain. Beliau mempunyai majlis pengajian di masjid nabi untuk mengajar dan memberi fatwa.

Apabila beliau ingin keluar membicarakan hadis nabi saw, beliau akan berwuduk seperti wuduk untuk solat, memakai pakaian yang paling baik, dan menyikat janggutnya sebagai menghormati hadis Rasulullah saw. Buku beliau "Muwatta" adalah salah satu buku hadis pertama dan paling terkenal. Ramai ulama menghuraikan buku ini. Beliau meninggal dunia pada bulan Rabiul Awal tahun 179H di Madinah dan dikebumikan di Baki’.

## الإمام مالك بن أنسٍ رضي الله عنه

**التعريف به:**

هو مالك بن أنس بن مالك بن أبي عامر نافع الحِمْيَري المدني، أبو عبد الله. وُلِدَ سنة ٩٣هـ بالمدينة المنورة، ونشأ بها

**صفاته:**

كان مالك عالمًا، ورعًا، قوي الحفظ والفراسة، صابرًا،ذا هَيبَةٍ ووقار، ناسكًا، شديدَ التعظيم لحديث رسول الله صلى الله عليه وسلم.

**شهرته:**

كان مالك من سادات أتباع التَّابعين، وثاني الأئمة الأربعة، ومؤسس المذهب المالكي. لازم فقيه المدينة، ابن هُرمُز سبع سنين يتعلم عنده، كما أخد عن نافع مولى ابن عمر والزُّهري وغيرهما. وله مجلس في المسجد النبوي للدرس والإفتاء.

إذا أراد أن يخرج يحدث، توضأ وضوءه للصلاة، ولبس أحسن ثيابه، ومشط لحيته توقيرًا لحديث رسول الله صلى الله عليه وسلم. ويُعَدُّ كتابه"الموطأ" من أوائل كتب الحديث وأشهرها، وقد قام كثير من العلماء بشرحه.توفي في ربيع الأول سنة ١٧٩هـ بالمدينة، ودفن بالبقيع.